

## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**SETIAUSAHA PERTAMA (B.3)  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. SETIAUSAHA PERTAMA  
KEMENTERIAN HAL EHVAL LUAR NEGERI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.


- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah / Ketua Perwakilan dan Timbalan Pengarah / Timbalan Ketua Perwakilan dalam menjalankan fungsi-fungsi Jabatan / Perwakilan;
2. Melaksanakan dan meneliti hal ehwal pentadbiran di Kementerian dan di Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri dalam hal-hal kewangan, perjawatan, kebijakan pegawai dan kakitangan, pengurusan harta benda dan cadangan bagi mempertingkatkan hubungan dua hala, serantau, Antarabangsa dan sebagainya;
3. Menyelaras dan menyediakan laporan Tahunan Jabatan / Perwakilan, perkembangan laporan Politik, hal ehwal semasa dan sosial, perkembangan ASEAN, perkembangan Pertubuhan Antarabangsa sama ada bertugas di dalam ataupun di luar negeri;



4. Mengadakan konsultasi bersama rakan sejawat dari negara-negara lain bagi tujuan mendapatkan maklumat yang diperlukan dari negara-negara rakan bagi menjamin kepentingan negara tidak terjejas;
5. Memastikan dan menyelaras persediaan awal mengenai hal ehwal protokol, terutamanya dalam bidang majlis dan lawatan pembesar-pembesar negara ke dalam dan ke luar negeri dan seterusnya di bidang konsular seperti kebajikan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negeri, paspot, pengurusan visa dan sebagainya;
6. Meneliti dan menghadapkan cadangan / sokongan dasar luar Negara Brunei Darussalam dan penubuhan hubungan Diplomatik dengan negara-negara yang telah memohon;
7. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak atasan Kementerian / Perwakilan.